

3.8.2021_Berita Harian_MOSTI_ 2 strategi vaksinasi di Lembah Klang

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

2 strategi vaksinasi di Lembah Klang

Hanya 3 peratus individu dewasa belum divaksin diberi janji temu secepat mungkin

Oleh Lailah Ariffin dan
Ismail Arif Abdul Karim
lailah@oh.com.my

Petronajaya: Operasi Langkah 1K parti di Lembah Klang bagi mempromosikan vaksinasi sudah dilaksanakan janji temu dan vaksin kepada 97 peratus individu dewasa di kawasan berkenaan.

Menjelang Penjelaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PIK), Khairy denahatkan, berkata baki kira-kira tiga peratus individu dewasa di Lembah Klang yang belum mendapatkan vaksinasi COVID-19, akan diberikan janji temu secepat mungkin.

Katanya, usaha pasca Operasi Langkah 1K parti ini dijalankan selaras dalam tempoh minggu pertama bulan ini.

Berita berkata, kerajaan akan memastikan dua kaedah strategi bagi memastikan semua individu dewasa di Lembah Klang menerima suntikan imunisasi.

"Operasi Langkah 1K parti di Lembah Klang, walaupun tidak berjaya 100 peratus, kita berupaya menyediakan janji temu dan vaksin kepada 97 peratus daripada individu dewasa.

"Baki yang ada, iaitu tiga peratus lagi, meliputi mereka yang terpaksa batal janji temu atau tidak hadir kerana sebab tertentu, akan diselesaikan diberi janji temu dan vaksin vaksin pada minggu pertama Ogos.

"Dua kaedah akan digunakan bagi tujuan ini, iaitu memohon 'walk-in' apabila dua kategori pertama seperti kita mungkin sebelum ini, manakala satu lagi ialah program janji temu komuniti," katanya pada sidang media di sini, Selasa.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, Operasi Langkah 1K parti di Lembah Klang, dari 26 April lalu hingga kini, mencatatkan 96.7 peratus daripada 1,657,297 individu dewasa diberikan sekurang-kurangnya satu dos.

Selain itu, katanya, sebanyak 37.5 peratus daripada populasi individu dewasa di Kuala Lumpur dan Selangor sudah menerima suntikan imunisasi lengkap.

Sementara itu, Jawatankuasa Khairi Jambatan Akas, Bekas Vaksin COVID-19 (JAKAV) dalam satu kenyataan berkata, jumlah keseluruhan pemberian dos vaksin COVID-19 di seluruh negara adalah 21,256,671 dengan pemberian pertama vaksin lengkap kini mencapai 507 peratus, selagi belasan.

Statistik itu menunjukkan, jumlah keseluruhan pemberian dos pertama sekitar 21 adalah 14,347,659 dos atau 67.9 peratus penduduk dewasa, manakala 6,902,814 atau 29.7 peratus adalah penerima dos kedua.